

BAB KEDUA

BAB KEDUA

TEORI DAN KONSEP TERJEMAHAN SERTA PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA

2.1 PENDAHULUAN

Teori dan teknik terjemahan merupakan sesuatu yang penting diketahui oleh seseorang penterjemah. Pengetahuan dua bahasa (bahasa sumber dan bahasa sasaran) sahaja tidak mencukupi untuk menghasilkan terjemahan yang baik. Ini kerana pengetahuan tentang teori dan teknik dapat membantu penterjemah menterjemah sesuatu teks dengan lancar dan berkesan. Justeru itu, dalam bab ini penulis akan menghuraikan konsep terjemahan terutamanya dari segi teori dan teknik serta langkah-langkah yang dicadangkan. Di samping itu, penulis juga membincangkan tentang terjemahan bahasa Arab-Melayu serta huraian khusus terhadap perkembangan terjemahan kitab-kitab tafsir Al-Quran ke dalam bahasa Malaysia.

2.2 DEFINISI TERJEMAHAN

Dari segi etimologi, perkatan ‘terjemahan’ berasal daripada bahasa Arab daripada kata akar ‘*al-Tarjamah*’. Dalam bahasa Inggeris pula, ianya disebut sebagai *translation*.

2.2.1 Definisi Terjemahan Dari Aspek Bahasa

Menurut kamus Dewan, perkataan terjemahan bermaksud hasil daripada menterjemahkan, yang (telah) diterjemah; atau cara (gaya, kaedah menterjemah).¹

Menurut kamus bahasa Arab, perkataan '*al-tarjamah*' memberikan beberapa maksud, iaitu²:

1. Menerangkan, menjelaskan atau mentafsirkan;
2. Menerangkan riwayat hidup seseorang (autobiografi);
3. Memindahkan kata-kata (*al-kalam*) dari satu bahasa ke bahasa lain.

Kamus-kamus bahasa Inggeris pula mendefinisikan perkataan '*translation*' sebagaimana berikut :

1. A Written or spoken rendering of the meaning of a word, speech, book, etc, in another language.³
2. The act of translating or something that has been translated esp. from one language to another.⁴
3. A rendering from one language or representational system into another ; is an art that involves the re-creation of a work in another language for reader with a different background.⁵

¹ *Kamus Dewan*, (edisi baru), (1993), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1351

² *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi* (t.t), t. tpt.: al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 196. lihat juga *al-Mawrid*, (1996), Beirut: Dār al-'Ilmi Lil Malāyīn, h. 307.

³ *Oxford English Reference Dictionary* (1995), New York: Oxford University Press, h. 1531.

⁴ *Longman Dictionary of Contemporary English* (1987), Madrid: Longman Group UK Limited, h. 1128.

⁵ *Webster Third New International Dictionary* (1993), INC, Massachusetts: Merriam-Webster, h. 2429.

2.2.2 Definisi Terjemahan Dari Aspek Istilah

Pakar-pakar terjemahan telah memberikan pelbagai definisi terjemahan. Jika diteliti, definisi ini kelihatan bercanggah antara satu sama lain dan menimbulkan kekeliruan di kalangan penterjemah. Percanggahan ini berlaku kerana mereka mengemukakan definisi berasaskan pengalaman masing-masing. Di antara mereka, ada yang lebih cenderung dengan terjemahan literal dan ada pula yang lebih cenderung kepada terjemahan secara bebas.

Menurut E. A. Nida:⁶

Terjemahan adalah untuk mendapatkan dalam bahasa penerima penyamaan yang paling hampir dan sejadi dari segi maksud dan gaya.

Menurut J.C Catford:⁷

Penggantian bahan teks dalam satu bahasa (bahasa sumber) dengan bahan teks yang sepadan dalam bahasa lain (bahasa target).

Menurut Peter Newmark:⁸

Terjemahan merupakan suatu kesenian pengalihan mesej atau kenyataan bertulis dalam satu bahasa ke bahasa lain.

Menurut Larson:⁹

Terjemahan merupakan pengalihan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa penerima.

⁶ Eugena. A. Nida (1969), *The Theory and Practice of Translation*, Leiden: E. J. Brill. h. 12

⁷ J. C Catford (1996), *A Linguistic Theory of Translation*, London: Oxford University Press, 1965, h. 20

⁸ Peter Newmark (1981), *Approaches to Translation*, Oxford: Pergamon Press, h. 7

⁹ Mildred L. Larson (1978), *Meaning-based Translation: A Guide to Cross-language Equivalence*, Larham, University Press of America, h. 3

Daripada definisi-definisi yang dikemukakan di atas, secara umumnya penterjemahan bolehlah ditakrifkan sebagai pemindahan suatu teks daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mengekalkan makna, bentuk dan gaya penulis asal. Hasil terjemahan itu hendaklah merupakan penyamaan yang paling hampir, lazim dan sejadi.¹⁰

2.3 PERKEMBANGAN AWAL TERJEMAHAN DI DUNIA

Sesiapapun tidak dapat menafikan kepentingan terjemahan kepada sesebuah negara, tamadun atau bangsa. Bukti-bukti awal kerja terjemahan yang ditemui adalah bertarikh 3000 SM dengan terjumpanya batu-batu bersurat yang ditulis dalam dua bahasa. Bukti-bukti tersebut adalah kesan peninggalan pemerintahan kerajaan Mesir Tua di daerah Elaphatin.¹¹ Penterjemahan menjadi semakin penting di dunia Barat apabila orang-orang Rom menyerap unsur-unsur budaya Greek secara besar-besaran, termasuklah keseluruhan unsur keagamaan dan kebudayaan mereka.¹²

Dalam abad ke-8M, perkembangan terjemahan berlaku dengan pesat dalam dunia Islam. Semenjak pemerintahan khalifah Abū Ja'far al-Manṣūr iaitu khalifah

¹⁰ Lazim dan sejadi bermaksud menggunakan bahasa yang biasa digunakan oleh masyarakat yang memakai bahasa sasaran itu dari segi struktur ayat, leksikal, tatabahasa dan gaya penyampaian, lihat Tuan Haji Mokhtar Ahmad, Kaedah & proses penterjemahan, kumpulan nota kuliah, Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd., 5 – 17 November 2001, h. 14.

¹¹ Elaptain atau lebih dikenali sebagai Aswan merupakan sebuah bandar yang terletak di pedalaman Mesir di tebing kanan Sungai Nil. Ianya merupakan sebuah tempat peranginan bersuhu rendah berhampiran dengan sebuah air terjun di Semenanjung Aswan dan Wafilah. Ianya terkenal dengan dua buah empangan besar iaitu empangan Aswan yang dibina pada tahun 1898 dan empangan Tinggi yang dibina pada tahun 1960. Elaptain juga terkenal sebagai pengeluar gula, kain tenun dan batu granit. Lihat *al-Munjid Fī al-A'lām* (1994), Beirut: Dār al-Masyriq, h. 49.

¹² Peter Newmark (1981), *Op. Cit.*, h. 3.

Abbasiyah yang kedua, banyak buku asing terutamanya dari bahasa Yunani, Rom, Parsi dan Greek, diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Kegemilangan terjemahan di dunia Islam mencapai kemuncaknya pada zaman Khalifah al-Ma'mūn apabila terdirinya *Bayt al-Hikmah*.¹³ Faktor utama yang menggalakkan perkembangan terjemahan pada waktu ialah galakan daripada pemerintah yang memberikan banyak kemudahan kepada para penterjemah. Antara kemudahan dan galakan yang diberikan ialah ganjaran bagi setiap hasil terjemahan, kemudahan perpustakaan, buku-buku yang bakal diterjemah dan lain-lain. Di samping itu, pada masa itu juga terdapat banyak kamus dwibahasa sama ada kamus Arab-Yunani atau Arab-Latin yang terdapat di Perpustakaan al-Askuriyah.¹⁴

Dalam abad ke 12, dunia Barat pula bertembung dengan dunia Islam di Sepanyol semasa Ketuanan Bangsa Moor. Apabila Ketuanan Bangsa Moor runtuh, sekolah penterjemahan di Toledo telah menterjemahkan teks klasik Greek dalam bidang Sains dan Falsafah yang terdapat dalam bahasa Arab.¹⁵ Selain itu, terjemahan juga dibuat terhadap buku-buku yang dikarang oleh para sarjana Islam seperti Ibn Sina, al-Khawarizmi, al-Farabi, Ibn Khaldūn dan lain-lain. Usaha-usaha penterjemahan ini menjadi asas kukuh kepada kebangkitan Eropah dari Zaman Gelap (Dark Ages).

¹³ Khalifah al-Makmūn membuka Bayt al-Hikmah dengan satu jabatan penterjemahan. Di dalamnya terdapat dua orang penterjemah yang memainkan peranan penting dalam penterjemahan daripada bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab iaitu Hunayn Ibn Isḥak dan Thābit bin Qurrah. Lihat Hairudin Harun (1992), *Daripada Sains Yunani kepada Sains Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 46

¹⁴ Husaimi bin Haji Othman, Terjemahan ke bahasa Arab dan perkembangan awalnya pada zaman Abbasiyah, kertas kerja Seminar Terjemahan Arab-Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-29 Ogos 1993, h. 9

¹⁵ Peter Newmark, *Op. Cit.* h. 3

2.4 Perkembangan Terjemahan Di Malaysia

Tarikh permulaan kegiatan penterjemahan di Malaysia tidak diketahui dengan tepat. Secara umumnya kegiatan terjemahan bolehlah dikatakan bermula dalam zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka. Usaha penterjemahan yang dahulunya dikenali sebagai saduran, sudahpun dimulakan walaupun dalam keadaan yang amat terbatas. Namun demikian, oleh kerana tiada bukti kukuh untuk menyokong dakwaan ini, ianya terpaksa didiamkan sahaja sehinggalah peristiwa Sultan Alaudin Riayat Shah menitahkan Bendahara Tun Sri Lanang membaiki kitab tua dari Goa kira-kira dalam tahun 1612M.¹⁶ Peristiwa ini dikuatkan lagi dengan penemuan sebuah manuskrip yang lebih tua iaitu terjemahan kitab *Aqā'id al-Nasafī* yang bertarikh 1590 M. Menurut Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas, manuskrip tersebut merupakan manuskrip tertua yang pernah ditemui setakat ini. Manuskrip tersebut kemudiannya dibuat ulasan oleh beliau dalam bukunya yang bertajuk *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of The 'Aqā'id of al-Nasafī*.¹⁷

Sekiranya diperhatikan kepada karya-karya awal terjemahan atau lebih tepat disebut saduran, maka kita akan mendapati dua bidang utama yang menjadi perhatian penterjemah pada waktu itu. Dua bidang yang dimaksudkan ialah bidang kesusasteraan dan bidang keagamaan.

¹⁶ Haji Muhd Mansur Abdullah (1991), Penghargaan Terhadap Terjemahan dan Penterjemah di Malaysia: Satu Impian Semata. *Prosiding persidangan penterjemahan antarabangsa ke-3*, h. 198.

¹⁷ Untuk maklumat lanjut sila lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of The 'Aqā'id of al-Nasafī*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Dalam bidang kesusasteran, terdapat banyak cerita dari India dan Semenanjung Arab telah disadurkan ke dalam bahasa Malaysia. Di antaranya ialah Hikayat Seri Rama, Hikayat Sang Boma, Hikayat Si Miskin (dari tamadun India), Hikayat Iskandar Zulkarnain, Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Bayan Budiman (dari tamadun Arab). Manakala dalam bidang keagamaan, saduran awal ini diusahakan oleh para ulama dari Aceh, Palembang, Pattani dan negeri-negeri Melayu yang lain. Di antara mereka ialah Hamzah Fansuri, Nurudin al-Raniri, Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Abdul Samad al-Palambani, Syeikh Shamsuddin al-Sumatrani dan Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari.¹⁸

Apabila Malaysia dijajah oleh Inggeris, barulah usaha-usaha penterjemahan mulai ketara. Penjajah Inggeris cuba sedaya upaya untuk menyemai bibit-bibit ideologi mereka kepada anak negeri melalui penyebaran ilmu pengetahuan. Justeru itu, mereka merasakan betapa perlunya usaha menterjemahkan beberapa bidang ilmu pengetahuan yang ada hubung kait dengan cara pentadbiran, perundangan dan juga peraturan bagi sesebuah negara supaya senang diketahui dan dipatuhi oleh anak negeri tersebut. Mereka memulakan usaha menterjemah segala bahan yang berupa undang-undang, peraturan, hukum, dan juga cara-cara pentadbiran negaranya untuk dilaksanakan dan disesuaikan di sini.¹⁹

Pada tahun 1888, Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa ditubuhkan di Johor. Ianya diasaskan oleh Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak dan

¹⁸Kassim Ahmad (1991), Beberapa masalah terjemahan di Malaysia, *Prosiding persidangan penterjemahan antarabangsa ke-3*, h.119.

¹⁹Haji Muhd Mansur Abdullah, *Op. Cit.*, h. 198

Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi. Pakatan ini mendukung cita-cita untuk memperbanyakkan lagi hasil karya dan buku-buku ilmiah dalam bahasa Malaysia. Ianya juga berusaha melakukan penterjemahan buku-buku, baik dalam bahasa Inggeris mahupun dalam bahasa Arab untuk kegunaan pentadbiran dan juga pengajaran di sekolah pondok dan madrasah. Walau bagaimanapun kebanyakan buku agama yang diterjemahkan untuk kegunaan pendidikan di pondok dan madrasah diterjemahkan mengikut kaedah bebas tanpa peraturan-peraturan yang betul.²⁰

Usaha menterjemahkan buku ilmu pengetahuan dari bahasa Inggeris secara teratur hanya bermula setelah penubuhan Pejabat Karang-Mengarang di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada akhir tahun 1920-an. Tujuan utama penterjemahan itu ialah untuk memenuhi keperluan buku teks bagi para pelajar Maktab itu di samping buku-buku ilmiah dan buku-buku cerita.²¹

Setelah merdeka, kerajaan Malaysia telah memberi perhatian serius kepada kegiatan penterjemahan. Beberapa institusi tertentu ditubuhkan untuk menggalakkan lagi perkembangan kegiatan tersebut. Di samping itu, terdapat juga badan sukarela yang ditubuhkan bagi menyemarakkan lagi kegiatan penterjemahan di Malaysia. Di antara institusi dan badan tersebut ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penterjemah Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi dan Institut Terjemahan Negara Malaysia.

²⁰ *Ibid*

²¹ *Ibid*

i. Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), merupakan institusi utama yang bertanggung jawab menggerakkan perkembangan terjemahan di Malaysia. Semenjak penubuhannya pada tahun 1956, DBP telah banyak menerbitkan terjemahan ke dalam bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, kebanyakan terjemahan tersebut ialah terjemahan buku-buku sastera termasuklah novel, antologi cerpen, drama, esei dan seumpamanya. Antara karya yang diterjemahkan ialah karya penulis-penulis dari Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Jepun, Mesir, India, Afrika, Filifina, Korea, Syria, Thailand, dan lain-lain lagi.²²

DBP juga memainkan peranan dengan mengadakan satu mini-seminar terjemahan pada 15 Januari 1977. Walaupun seminar tersebut bertujuan untuk membincangkan persoalan sekitar penterjemahan karya kreatif sahaja, namun ianya berjaya mengumpulkan kira-kira 100 orang peserta dan pemerhati yang terlibat dalam kegiatan dan usaha penterjemahan karya kreatif.²³

ii. Persatuan Penterjemah Malaysia

Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) adalah sebuah badan sukarela yang ditubuhkan pada 8 April 1978 dan didaftarkan pada 4 Oktober 1979, atas kesedaran untuk mewujudkan kegiatan dan gerakan secara kolektif dalam hal-hal penterjemahan

²² Talib Samat (1998), *Islam di Antara Percikan dan Budaya*, Kuala Lumpur: Thinker's Library, h. 267.

²³ Shamsuddin Jaafar, Catatan Sekitar Mini Seminar Terjemahan, *Dewan Sastera*, Mac 1977, h. 56

dan untuk menyatukan seluruh kegiatan penterjemahan di Malaysia. Semenjak penubuhannya, PPM telah mengadakan pelbagai kegiatan seperti bengkel, kursus seminar dan sebagainya.²⁴

Di antara sumbangan besar PPM kepada bidang penterjemahan di Malaysia ialah penganjuran Persidangan Penterjemahan Antarabangsa. Persidangan Dwi tahunan ini dianjurkan dengan kerjasama institusi-institusi lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Ianya merupakan satu medan di kalangan para penterjemah, jurubahasa, penerbit, penulis, cendekiawan, pakar bidang dan pencinta bahasa untuk mengemukakan idea, gagasan, komentar dan sebagainya bagi memperbaiki dan mengembangkan lagi kegiatan penterjemahan di Malaysia.

iii. Universiti Malaya

Universiti Malaya (UM) melalui Pusat Bahasa merupakan Institusi Pengajian Tinggi pertama yang mengelolakan kursus untuk melatih penterjemah dan ahli interpretasi persidangan. Kursus Diploma yang memakan masa dua tahun ini buat pertama kalinya dibuka pada sesi pengajian 1975/76.²⁵ Kursus ini bukan bermatlamatkan kepada pendidikan terjemahan dan interpretasi semata-mata, bahkan ianya sebagai suatu persediaan untuk melatih penterjemah yang diperlukan dalam dasar pendidikan

²⁴ Pamflet pengenalan Persatuan Penterjemah Malaysia.

²⁵ Laporan tahun ke 26 - 1974/75, Universiti Malaya, h. 456.

baru yang memerlukan bahasa Malaysia menggantikan bahasa Inggeris pada semua peringkat pengajian dan semua bidang ilmu pengetahuan.²⁶

Selain itu, peranan aktif Malaysia dalam hubungan diplomatik dan penyertaan dalam pengendalian persidangan antarabangsa samada anjuran pihak kerajaan atau badan berkanun, menyebabkan usaha ini semakin diperlukan. Untuk itu, Pusat Bahasa UM menjadi rujukan, khususnya dalam menyediakan penterjemah dan ahli interpretasi persidangan.²⁷

iv. Universiti Kebangsaan Malaysia

Sekiranya UM menawarkan kursus terjemahan secara umum, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula menawarkan kursus Penterjemahan Arab-Melayu. Kursus yang ditawarkan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam ini bertujuan untuk memberi bimbingan dan latihan kepada mahasiswa untuk memupuk kemampuan terutamanya terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Malaysia dan sebaliknya. Untuk mencapai tujuan tersebut, mahasiswa diberi bimbingan menulis dan menterjemah rencana-rencana dalam pelbagai tajuk. Latihan juga diberi supaya mahasiswa dapat memahami cara-cara menterjemah dengan betul. Di samping itu, mahasiswa juga

²⁶ Abdul Hadi Abdullah (1997), "Kajian Makna dalam Terjemahan" (Desertasi Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya), h. 25.

²⁷ *Ibid*

dilatih untuk membaca dan memahami teks-teks bahasa Arab yang dipetik daripada buku-buku ilmiah.²⁸

v. Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia (USM) mempelopori projek penterjemahan berkomputer. Ianya bermula secara tidak sengaja dengan satu Latihan Ilmiah Sarjana dalam bidang penghuraian bahasa asli melalui komputer oleh seorang penuntut sains komputer pada tahun 1976 apabila USM menghubungi GETA (Group de Etudes pour la Traduction Automatique) di Universiti Grenoble, Perancis untuk mendapatkan seorang pemeriksa luar. Selepas itu, terjalin kerjasama yang dimulai dengan pemasangan perisian terjemahan dari GETA. Pada tahun 1980, satu bengkel terjemahan berkomputer telah diadakan di USM untuk pegawai tinggi kerajaan, pensyarah universiti tempatan dan negara jiran. Dari situ, satu model contoh terjemahan berkomputer bahasa Inggeris-bahasa Malaysia telah ditunjukkan dan ia menarik minat pihak-pihak berkenaan.²⁹

Seterusnya pada tahun 1982, daripada sebuah projek individu, ia telah dinaikkan ke taraf projek USM dan diberi peruntukan khas oleh Kementerian Pendidikan. Beberapa pensyarah Universiti telah mengembeling tenaga secara sambilan untuk mendapatkan satu model terjemahan yang boleh digunakan. Satu unit

²⁸ Muhammad Bukhari Lubis, Kursus penterjemahan Arab-Melayu di Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam UKM, Kertas kerja Seminar Terjemahan Arab-Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-29 Ogos 1993.

²⁹ Zahrah Abdul Ghafur, Projek Terjemahan berkomputer di Malaysia, *Dewan Bahasa*, Disember 1986, h. 887

terjemahan berkomputer yang tetap telah ditubuhkan di USM pada awal tahun 1984. Unit ini dianggotai oleh lapan orang penyelidik sepenuh masa yang terdiri daripada individu-individu dari pelbagai latar belakang seperti sains komputer, linguistik, sains sosial, sains tulen, komunikasi massa dan perancangan bandar. Disebabkan pada peringkat ini lebih banyak tenaga dan kemahiran diperlukan untuk menjayakan projek ini ke peringkat nasional, USM telah meminta bantuan DBP.³⁰

Bagi memantapkan kegiatan penterjemahan di Malaysia, pada tahun 1989 USM mengambil suatu inisiatif sendiri dengan menawarkan kursus Sarjana Muda dalam bidang terjemahan dan Interpretasi. Langkah ini merupakan satu perkembangan besar kepada kegiatan penterjemahan di Malaysia kerana sebelumnya UM hanya menawarkan kursus di tahap Diploma sahaja.

vi. Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM)

Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada 14 September 1993 untuk menyediakan prasarana bagi mewujudkan industri terjemahan di Malaysia, selaras dengan haluan negara menuju Wawasan 2020. ITNM dipertanggungjawabkan sebagai badan tunggal rasmi di Malaysia melaksanakan tugas mengendali hal ehwal terjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan maklumat di peringkat kebangsaan dan

³⁰ *Ibid*

antarabangsa. Sebagai sebuah badan induk Negara, ITNM berperanan untuk melatih para penterjemah, menyediakan khidmat penterjemahan dan sebagainya.³¹

2.5 KELAYAKAN MENTERJEMAH

Sebelum seseorang terlibat dalam bidang penterjemahan, dia hendaklah memenuhi beberapa syarat asas. Syarat-syarat tersebut ialah:

2.5.1 Mengetahui Bahasa Sumber

Bahasa sumber ialah bahasa yang kebiasaannya penterjemah telah pelajari secara sengaja, sama ada menerusi pendidikan formal ataupun pendidikan sendiri.³² Para penterjemah hendaklah menguasai bahasa sumber dengan baik terutamanya dari sudut tatabahasa, lesksikal, istilah dan sebagainya. Ini adalah untuk membolehkannya mengetahui selok belok keistimewaan dan keganjilan bahasa itu supaya dia dapat menterjemah maknanya dengan tepat.³³

³¹ Institut Terjemahan Negara Malaysia, <http://www.itnm.com.my>, 25 November 2001.

³² Catriona Picken (1995), *Panduan penterjemah*, Bashir M.M Basalamah (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 43

³³ Abdullah Hassan & Ainon Mohammad (1999), *Teori dan Teknik Penterjemah*, Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors, h. 41.

2.5.2 Mengetahui Bahasa Penerima

Bahasa penerima ialah bahasa yang dipelajari oleh penterjemah secara tidak sedar semenjak dari kecil. Ianya mungkin juga bahasa negara tempat penterjemah itu telah lama bermastautin sehingga menjadi kegunaannya yang lazim.³⁴ Penguasaan bahasa sasaran hendaklah lebih baik daripada penguasaan bahasa sumber supaya terjemahan tersebut dalam difahami dengan mudah oleh pembaca.

2.5.3 Pengetahuan Dalam Bidang Yang Diterjemah

Pengetahuan dalam bidang yang diterjemah juga amat penting bagi seorang penterjemah. Ini adalah untuk menjamin makna atau maklumat yang terkandung dalam teks asal dapat dipindahkan dengan tepat dan sempurna daripada bahasa sumber ke dalam bahasa penerima. Perkara ini menjadi bertambah penting apabila menterjemah teks-teks khusus seperti teks sains, teknologi undang-undang, falsafah, kesusasteraan dan sebagainya.³⁵

2.5.4 Mengetahui Teori Dan Amalan Terjemahan

Bidang penterjemahan, seperti juga bidang-bidang ilmu yang lain. Ianya berkembang dan telah melahirkan teori dan kaedah ilmiahnya sendiri. Kaedah-kaedah ini perlu

³⁴ Catriona Picken, *Op. Cit.*, h.45

³⁵ *Ibid*

diketahui oleh seseorang penterjemah sebelum melakukan terjemahan. Ini adalah untuk menjamin hasil terjemahan yang bermutu serta mudah difahami.

2.6 PRINSIP-PRINSIP TERJEMAHAN

Pakar-pakar dalam bidang terjemahan menggariskan prinsip yang berbeza mengikut aliran terjemahan masing-masing.³⁶ Walau bagaimanapun, untuk memendekkan perbincangan, penulis hanya mengemukakan lima prinsip seperti yang dinyatakan oleh Dolet. Kelima-lima prinsip ini amat sesuai dan berguna untuk melakukan segala jenis terjemahan. Prinsip-prinsip tersebut ialah³⁷:

1. Penterjemah mestilah benar-benar memahami isi dan hasrat penulis teks asal.
2. Penterjemah mestilah menguasai dengan baik bahasa asal dan bahasa penerima terjemahan itu.
3. Penterjemah tidak boleh menterjemah perkataan demi perkataan kerana perbuatan itu boleh merosakkan makna asal teks dan menyebabkan terjemahan itu tidak indah apabila dibaca. Padahal teks asalnya mungkin sangat indah dan mudah dibaca.
4. Penterjemah hendaklah menggunakan gaya bahasa yang biasa digunakan dalam bahasa penerima bagi menggantikan bentuk-bentuk bahasa asalnya.
5. Penterjemah mesti mencipta semula kesan dan semangat keseluruhan teks asal.

³⁶ Untuk lebih lanjut lihat: Eugene A. Nida *Op. Cit* h. 15-20.

³⁷ *Ibid.*

2.7 KAEDAH PENTERJEMAHAN

Ramai pengkaji teori penterjemahan cuba menganalisis bagaimana suatu teks sumber dipindahkan atau diterjemahkan kepada teks sasaran mengikut proses atau kaedah yang logikal. Sehubungan dengan itu, banyak sistem penggolongan kaedah penterjemahan diperkenalkan dalam usaha memahami konsep berlakunya penterjemahan.³⁸ Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, penulis tidak mampu untuk mengupas kaedah tersebut satu-persatu. Oleh yang demikian, secara umumnya kaedah penterjemahan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu terjemahan harfiah, terjemahan literal dan terjemahan bebas.

2.7.1 Terjemahan Harfiah

Terjemahan harfiah bermaksud terjemahan perkataan demi perkataan (word by word). Terjemahan ini cuba untuk mengekalkan bentuk bahasa sumber serta isi kandungannya. Di antara unsur-unsur yang cuba dikekalkan ialah unit-unit nahu, persamaan penggunaan perkataan, makna seperti teks asal, rima, rentak dan sebagainya. Oleh yang demikian, untuk mengekalkan terjemahan seperti teks asal, penterjemah melakukan perkara-perkara berikut³⁹:

1. Menterjemah kata nama dengan kata nama dan kata kerja dengan kata kerja.

³⁸ Wan Amizah Wan Mahmud (1998), "Kaedah penterjemahan sari kata dokumentasi dan komedi semasa di televisyen: Suatu kajian Perbandingan" (Desertasi Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya" h. 37.

³⁹ Aionon Muhammad (1979), *Pengantar Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi, h. 22

2. Mengekalkan semua frasa dan ayat seperti dalam teks asal dan tidak akan memecah-mecahkan unit itu dan menyusunnya semula.
3. Mengekalkan semua tanda-tanda karangan formal seperti tanda baca, noktah, huruf besar dan sebagainya.

Dalam usaha untuk mengekalkan penggunaan perkataan, penterjemah akan mencari istilah yang serupa antara bahasa sumber dan bahasa penerima, iaitu terjemahan satu lawan satu. Manakala untuk mengekalkan makna sebagaimana yang terkandung dalam teks sumber, penterjemah tidak akan menyesuaikan semula bentuk-bentuk idiom seperti simpulan bahasa, pribahasa dan istilah-istilah tetap mengikut bahasa penerima.⁴⁰

2.7.2 Terjemahan Literal

Terjemahan literal merupakan satu kaedah yang mana penterjemah berusaha menyusun semula ayat yang mirip dan hampir dengan ayat bahasa sasaran. Penterjemah akan cuba menyesuaikan terjemahan mengikut bahasa sasaran terutamanya dari segi tatabahasa. Namun begitu, penterjemahan kata masih dilakukan secara sepatah demi sepatah sehingga kadangkala menjadikannya terkeluar daripada konteks sebenar.⁴¹ Kaedah ini hampir sama dengan terjemahan harfiah cuma ianya agak menitikberatkan aspek tatabahasa. Contohnya seperti berikut:

⁴⁰ *Ibid*

⁴¹ Zainal Abidin Bakar, Pengenal Penterjemah, kumpulan nota kuliah, Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd., 5 – 17 November 2001, h. 4

"Don't take my pen"

Terjemahan harfiah : Jangan ambil saya pen.

Terjemahan literal : Jangan ambil pen saya.

2.7.3 Terjemahan Bebas

Terjemahan bebas ialah terjemahan yang tidak terlalu terikat dengan teks asal. Kaedah terjemahan ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu terjemahan dinamis dan terjemahan adaptasi atau saduran.

i. Terjemahan Dinamis

Istilah terjemahan dinamis diperkenalkan oleh Eugena A. Nida dalam bukunya *Toward a Science of Translating*. Mengikut Nida, terjemahan Dinamis bermaksud penyalinan semula maklumat ke dalam bahasa penerima daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan terdekat dan bersahaja. Daripada definisi tersebut terdapat beberapa perkara yang ditekankan oleh Nida iaitu:⁴²

a. Penyalinan semula maklumat

Tugas utama penterjemah ialah menyalin semula maklumat yang terkandung dalam teks asal ke dalam bahasa penerima. Sekiranya

⁴² Abdullah Hasaan & Ainon Mohd, *Op. Cit.* h.72-75.

penterjemah melakukan perkara yang lain, maka dia melakukan kesilapan dalam tugasnya.

b. Persamaan lawan keserupaan

Semasa melaksanakan tugasnya, penterjemah hendaklah mencari bentuk-bentuk yang sama dan bukannya yang serupa. Dengan kata lain, tugasnya adalah untuk menyalin semula maklumat bukannya menyalin bentuk bagaimana maklumat itu diungkapkan.

c. Persamaan yang bersahaja

Persamaan yang bersahaja bermaksud terjemahan yang tidak 'berbau' terjemahan apabila dibaca, malah ia terasa seolah-olah sebuah karya asli yang ditulis oleh pengarang tempatan. Terjemahan hendaklah dibuat dengan menggunakan ciri asli bahasa sasaran dan jangan memaksa bahasa sasaran mengambil bentuk tatabahasa bahasa sumber.

d. Persamaan terdekat

Apabila disebut terjemahan, sudah tentu tidak ada perkataan yang betul-betul serupa maknanya di antara dua bahasa yang berlainan. Oleh itu tidak mungkin berlaku terjemahan dengan menggunakan persamaan yang tepat. Ini bererti penterjemah hanya boleh menterjemah dengan menggunakan persamaan yang paling dekat maknanya.

e. Keutamaan makna

Dalam penterjemahan, perkara yang diutamakan ialah isi atau maklumat yang terkandung dalam teks asal. Ini bermakna ada masanya penterjemah perlu membuat perubahan yang radikal semata-mata untuk mengekal maklumat dalam teks itu. Contohnya ungkapan '*he has a family*' tidak sepatutnya diterjemahkan menjadi 'dia mempunyai keluarga'. Ini kerana dalam konteks ini '*family*' bukan bermakna keluarga. Terjemahan ini sepatutnya berbunyi 'Dia sudah berumah tangga.'

f. Kepentingan gaya

Kepentingan gaya bermaksud, penterjemah hendaklah menterjemah mengikut gaya penulis asal. Gaya yang dimaksudkan ialah, mungkin teks tersebut berupa sebuah puisi, cerpen, ucapan, prosa dan sebagainya. Ini bermakna sesuatu teks puisi tidak sepatutnya diterjemah seolah-olah teks prosa. Ini kerana unsur gaya memainkan peranan penting bagi meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca.

ii. **Adaptasi/ saduran**

Adaptasi atau saduran merupakan kaedah terjemahan yang terlalu bebas. Terjemahan ini dibuat tanpa sebarang kongkongan asalkan ianya dapat mengekalkan isi kandungan dan semangat karya asal. Dalam hal ini penterjemah hanya mengambil isi-isi penting sahaja dan kadang-kadang menokok tambah dalam terjemahan tersebut. Terjemahan ini banyak terdapat dalam puisi, cerita dan sebagainya.

AS10830434

Walau bagaimanapun, walau apapun kaedah yang digunakan oleh penterjemah, ianya dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti:⁴³

1. Jenis teks yang perlu diterjemah;
2. Penanda stilistik teks bahasa sumber;
3. Pembaca sasaran;
4. Setakat mana penterjemah boleh memahami dan menghayati teks bahasa sumber;
5. Kecenderungan gaya penterjemah serta kemampuannya mengenali laras stilistik.

2.8 TERJEMAHAN BAHASA ARAB KE BAHASA MALAYSIA

Seperti yang telah diterangkan, perkembangan terjemahan Arab-Melayu telahpun bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun ianya telah bermula sekian lama, namun kebanyakan terjemahan yang dihasilkan lebih berbentuk saduran. Penterjemah bukan menterjemah teks secara langsung, tetapi hanya mengambil isi-isi penting atau menokok tambah teks asal. Di antara contoh terjemahan sedemikian ialah kitab *Siyar al-Sālikin* oleh Syeikh Abdul Samad al-Falambani, *Minhaj al-Ābidīn* oleh Sheikh Daud al-Fatani, kitab *al-Hikam* oleh Sheikh Tok Pulau Manis, kitab *Baḥr al-Mādhī* oleh Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi dan lain-lain. Namun sejak akhir-akhir ini, usaha-usaha penterjemahan secara langsung telah banyak dilakukan oleh penterjemah-penterjemah tempatan. Dengan adanya karya terjemahan, ianya dapat memperkayakan khazanah ilmu dalam bahasa Malaysia.

⁴³ Wan Amizah Wan Mahmud, *Op.Cit*, h. 41.

2.9 SYARAT-SYARAT TERJEMAHAN ARAB-MELAYU

Terjemahan Arab-Melayu tidak jauh bezanya dari metodologi terjemahan yang telah dinyatakan di atas malah terjemahan Arab-Melayu lebih mudah jika dibandingkan terjemahan Arab-Inggeris. Ini disebabkan terdapat banyak persamaan antara bahasa Arab dengan bahasa Malaysia terutamanya dari segi perkataan-perkataan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa syarat yang perlu diambil perhatian oleh penterjemah. Syarat-syarat tersebut ialah:⁴⁴

2.9.1 Mempunyai Kemahiran Ilmu Nahu

Kemahiran ilmu Nahu adalah penting bagi seseorang penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang betul dan tepat. Penterjemah yang tidak mempunyai kemahiran dalam ilmu nahu, dikhuatiri akan melakukan kesilapan yang boleh merosakkan makna sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh pengarang asal.

Contohnya dalam sistem *i'rab*, **مفعول** kadang-kadang boleh berada di hadapan **فاعل** dan **فعل**. Misalnya seperti ayat berikut: **محمد أعان زيد**. Bagi orang yang tidak mempunyai kemahiran dalam ilmu nahu, dia mungkin akan menterjemahkannya sebagai 'Muhammad telah menolong Zaid'. Sedangkan maknanya yang sebenar ialah 'Muhammad-lah yang Zaid tolong' atau 'Zaid telah menolong Muhammad. Ini kerana kalimah **محمد** dii'rab sebagai **مفعول** dan kalimah **زيد** dii'rab sebagai **فاعل**.

⁴⁴ Mohd Bakhr Haji Abdullah, al-Tarjamah Min al-Lughah al-'Arabiyyah ila al-Lughah al-Maliziyyah: Ba'd al-'Ibārāt al-Lughawiyah, *Prosiding persidangan penterjemahan antarabangsa ke-7*, 1999, h. 403 – 413.

2.9.2 Mempunyai Kemahiran Ilmu Saraf

Ilmu saraf merupakan ilmu yang penting bagi seseorang penterjemah. Ini kerana kesilapan dalam ilmu saraf juga boleh merosakkan sesuatu makna. Contohnya ayat **أحمد قاتل عمر**. Dalam ilmu saraf kalimah **قاتل** mempunyai dua *taṣrif*. Pertamanya ialah *wazan فاعل* iaitu sifat **اسم فاعل** dan yang keduanya ialah *wazan فعل ماضى* yang ditambah satu huruf. (iaitu *alif*). Kedua-dua *taṣrif* ini mempunyai makna yang berbeza. Bagi penterjemah yang tidak mahir dalam ilmu saraf mungkin akan menterjemahkan ‘Ahmad pembunuh Umar’ sedangkan mungkin makna yang dikehendaki oleh pengarang ialah ‘Ahmad telah berlawan senjata dengan Umar’ atau ‘Ahmad dan Umar telah bertempur antara satu sama lain’.

2.9.3 Mempunyai Kemahiran Ilmu Balaghah

Selain daripada ilmu nahu dan saraf, penterjemah juga mestilah mempunyai kemahiran dalam ilmu balaghah. Ini kerana unsur balaghah adalah unsur yang selalu digunakan oleh pengarang bagi menggambarkan kesenian bahasa yang digunakan. Contohnya dalam penggunaan sesetengah kalimah, kadang-kadang ungkapan yang digunakan bukan makna yang sebenar. Oleh itu, penterjemah mesti mengetahuinya supaya terjemahan tidak lari dari maksud asal pengarang. Misalnya seperti yang terdapat dalam banyak ayat Al-Quran, antaranya, Firman Allah s.w.t:

وَكُلُّوا وَأَشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

Maksudnya :

Makan dan minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih dari benang hitam.

Surah al-Baqarah(2) : 187

Bagi penterjemah yang tidak ada kemahiran dalam ilmu balaghah, tentulah tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan benang putih dan benang hitam seperti yang berlaku dalam sebuah kisah di zaman Nabi s.a.w. apabila seorang lelaki mengambil dua simpulan benang putih dan hitam kemudian makan sambil memerhati kepada keduanya sehinggalah hampir-hampir terbit matahari.⁴⁵

2.9.4 Mengetahui Suasana Persekitaran Bangsa Arab

Seseorang penterjemah mestilah mengetahui latar belakang suasana persekitaran bangsa Arab. Ini kerana sesetengah pengarang menulis berdasarkan suasana persekitaran bangsa mereka. Dalam konteks bangsa Arab klasik, mereka amat mementingkan kebolehan berbahasa sehinggakan ketua yang bakal dipilih mestilah seorang yang bijak berbahasa. Oleh sebab itulah, dalam bahasa Arab klasik terdapat terlalu banyak ungkapan yang berbentuk balaghah yang menggambarkan suasana persekitaran bangsa Arab. Oleh hal yang demikian, seseorang penterjemah mestilah mengetahui suasana persekitaran tersebut khususnya dalam konteks bahasa, supaya menjamin ketepatan makna dalam terjemahan.

Salah satu contoh ialah istilah ‘ *طويل اليد* ’. Ianya bukanlah bermaksud seorang yang panjang tangan tetapi mengikut situasi keadaan bangsa Arab ianya bermaksud

⁴⁵ Sila lihat Sahih Bukhari, Kitab Tafsir al-Qur'an, hadith no. 4151; Sahih Muslim Kitab al-Siyām, Bab Bayān Ann al-Dukhūl fī al-Ṣawm Yaḥsilu bi Ṭulū' al-Fajr, hadith no. 2528.

seorang yang mulia. Istilah ini amat berlawanan sekali dengan situasi bangsa Melayu yang bermasud seseorang yang suka mencuri.

2.9.5 Memahami Semantik (Kajian Makna)

Suatu hal yang perlu diingat bahawa semantik bahasa Arab bukan hanya terhad kepada pengertian yang terdapat dalam kamus sahaja. Tetapi ianya mengambil kira unsur-unsur sampingan (unsur bukan bahasa) seperti identiti penutur, pendengar dan hubungan antara keduanya dan juga situasi dan keadaan yang mempunyai hubungan dengan pertuturan tersebut seperti udara, situasi politik dan sebagainya.

2.9.6 Memahami Konteks Situasi Semasa

Seseorang penterjemah juga mestilah memahami konteks situasi semasa yang dimaksudkan oleh pengrang. Dia hendaklah mengenal pasti untuk siapakah teks itu ditujukan. Adakah ianya untuk golongan terpelajar atau bacaan umum atau kanak-kanak. Ini penting kerana bahasa yang bakal digunakan dapat disesuaikan mengikut golongan tersebut.

2.9.7 Mengetahui Perbezaan Bahasa

Seseorang penterjemah juga mestilah mengetahui perbezaan bahasa Arab yang digunakan di tempat-tempat tertentu. Ini kerana terdapat beberapa kalimah yang mempunyai makna yang berlainan di antara sesuatu tempat dengan tempat yang lain.

Oleh sebab itu, penterjemah hendaklah menterjemah berdasarkan maksud sebenar yang dikehendaki oleh penulis teks.

Selain daripada syarat-syarat di atas, Dr Zaleha Mamat⁴⁶ menambah beberapa syarat yang perlu ada bagi seseorang penterjemah Arab-Melayu. Syarat-syarat tersebut ialah:

2.9.8 Mengenalpasti Tujuan Dan Objektif Sesuatu Terjemahan

Perkara ini penting supaya bentuk terjemahan (uslub dan susunan ayat) membantu ke arah mencapai objektif. Ini perlu kerana sesuatu penulisan mempunyai tujuan dan objektifnya. Contohnya terjemahan untuk tujuan perdagangan berbeza dengan terjemahan untuk tujuan makluman dan pembacaan awam.

2.9.9 Memahami Tajuk Secara Keseluruhan

Seseorang penterjemah mestilah memahami tajuk yang hendak disampaikan oleh penulis secara keseluruhan. Hal ini penting supaya penterjemah mengetahui bidang penulisan, aspek dan penekanan. Contohnya :

- bidang - syariat
- aspek - muamalat

⁴⁶ Dr. Zaleha Mamat [pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (Bahagian Pengajian Islam) Universiti Sains Malaysia], Terjemahan Arab-Melayu: Satu pandangan tentang cara-caranya, Kertas kerja Seminar Terjemahan Arab Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-29 Ogos 1993

- penekanan - mu'amalat bank

Selain dari syarat-syarat di atas, terdapat juga syarat-syarat khusus untuk terjemahan kitab-kitab agama. Syarat-syarat tersebut ialah⁴⁷:

2.9.10 Menjaga Istilah-istilah

Seboleh-bolehnya seseorang penterjemah mengekalkan istilah-istilah asasi bahasa Arab. Ini untuk mengelakkan istilah tersebut tersalah terjemah atau tersalah faham oleh pembaca. Sekiranya istilah tersebut terlalu penting untuk di ketahui penterjemah mestilah menterjemahkannya dengan sebaik mungkin. Contoh-contoh istilah yang asas dalam Islam ialah seperti *Sultan, Malik, Amir, Amir al-Mukminin, Khalifah, Imam, Hakim, Wali* dan sebagainya.

2.9.11 Menjaga Lafaz-Lafaz Yang Dimuliakan.

Yang dimaksudkan dengan menjaga lafaz-lafaz yang dimuliakan ialah seseorang penterjemah mestilah menjaga kemurnian makna-makna yang asli dalam bahasa Arab lebih-lebih lagi kemurnian makna-makna ayat Al-Quran dan hadith Nabi. Contohnya terjemahan bagi kalimah الله. Kebanyakan penterjemah Inggeris menterjemahkan kalimah الله sebagai 'God'. Sedangkan dalam bahasa Inggeris perkataan 'God' adalah untuk lelaki dan terdapat perkataan femininnya iaitu 'goddnes' jamaknya ialah

⁴⁷ Dr. Mohd Bukhair Haji Abdullah, *Op. Cit*, h. 413

'gods'. Konsep ini adalah berlawanan dengan Islam yang mana الله bukan lelaki atau perempuan dan Dia adalah Tuhan Yang Esa.

2.9.12 Menjaga Hukum-Hukum Syara'

Di antara amanah ilmu yang mesti ada pada seseorang penterjemah ialah menjaga segala hukum yang ditulis oleh penulis kitab sekiranya kitab tersebut kitab agama. Kerana Islam adalah Islam dan tidak sepatutnya penterjemah menterjemah mengikut pendapat dan pemikiran yang logik semata-mata. Kerana hukum dan peraturan Islam berbeza dengan hukum dan peraturan ciptaan manusia yang sentiasa berubah mengikut perubahan masa, tempat dan pemerintah. Berdasarkan kenyataan itu, wajib ke atas penterjemah membawa segala dalil-dalil samada ayat Al-Quran, hadith, pendapat ulama sebagaimana yang terdapat dalam teks asal. Tidak sepatutnya penterjemah membawa mafhumnya sahaja sebagaimana yang kita dapati dalam sesetengah kitab terjemahan hari ini.

2.9.13 Menjaga Amanah Ilmu

Di antara amanah ilmu yang perlu dijaga oleh seseorang penterjemah ialah menyandarkan pendapat kepada tuannya dan hadith kepada perawinya. Perkara ini jelas dititik beratkan oleh ulama-ulama terdahulu seperti Imam al-Qurtubi yang pernah menyatakan di dalam tafsirnya bahawa setengah daripada keberkatan ilmu itu

ialah menyandarkan pendapat kepada tuannya.⁴⁸ Oleh kerana itu, langkah terbaik ialah tidak menukar atau mengubah kandungan teks atau kitab asal kepada bentuk baru.

2.9.14 Tidak Menggunakan Bahasa Sastera

Seseorang penterjemah tidak sepatutnya menggunakan bahasa sastera dalam terjemahan. Ini kerana ungkapan-ungkapan sastera akan menyukarkan pembaca memahami maksud yang ingin di sampaikan oleh penulis teks asal. Perkara ini juga berlawanan dengan tujuan asal terjemahan iaitu sebagai suatu langkah untuk memudahkan pemahaman kitab samada kitab agama atau sebagainya. Sekiranya penterjemah menggunakan ungkapan sastera dalam terjemahan, maka ia tidak memberikan apa-apa faedah melainkan menambahkan lagi kecelaruan pada fikiran pembaca.

2.10 TERJEMAHAN TAFSIR AL-QURAN KE DALAM BAHASA MALAYSIA

Perkembangan terkini menyaksikan perkembangan yang baik dalam bidang terjemahan tafsir-tafsir Al-Quran ke dalam bahasa Malaysia. Dalam kajian yang dilakukan, penulis mendapati terdapat beberapa buah kitab tafsir yang telah diterjemahkan atau cuba diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Tafsir-tafsir tersebut ialah:

⁴⁸ Al-Qurtubī (1993), *al-Jāmi' li Ahkām Al-Qur'ān*, j.1, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 15.

2.10.1 Terjemahan *Tafsīr al-Bayḍawī*

Terjemahan *Tafsīr al-Bayḍawī* merupakan terjemahan tafsir yang paling awal diterbitkan. Terjemahan ini disempurnakan oleh al-Ustaz Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Jawi dan ditashihkan oleh tiga orang ulama iaitu al-Syeikh Ahmad al-Fatani, al-Syeikh Idris al-Kalantani dan al-Syeikh Daud al-Fatani. Menurut cetakan terbaru yang diterbitkan oleh Pustaka Nasional Singapura pada tahun 1956, terjemahan ini sekali lagi ditashihkan oleh al-Syeikh Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. Terjemahan ini telahpun menjadi rujukan utama dalam bidang tafsir sejak sekian lama oleh umat Islam di Malaysia terutamanya bagi pengajian di pondok-pondok.

2.10.2 Terjemahan *Tafsīr al-Khāzin*

Tafsīr al-Khāzin merupakan salah sebuah tafsir terawal yang cuba diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Terjemahan ini dilakukan pada tahun 1929M apabila timbul satu kesedaran di kalangan pembesar Melayu Kelantan terhadap kepentingan penafsiran Al-Quran bagi mengisi keperluan masyarakat kepada ilmu tafsir. Bagi mewujudkan sebuah rujukan berupa kitab tafsir berbahasa Malaysia, mereka memberi kepercayaan kepada Tuan Guru Haji Mohd Yusof Haji Ahmad atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Kenali untuk mengetuai pasukan penterjemahan kitab *Tafsīr al-Khāzin*.⁴⁹

⁴⁹ Abdul Rahman al-Ahmadi (1983) *Tokoh dan pokok pemikiran Tok Kenali*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Sukan, h. 29.

Proses penterjemahan yang dipimpin oleh Tok Kenali ini berjalan lancar dan bersungguh-sungguh. Dalam masa empat belas bulan setengah mereka dapat menyiapkan terjemahan sehingga juzuk *Lā Yuhibbullah* (hal 907), iaitu tiga perempat daripada jilid pertama. Walaupun usaha penterjemahan ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, namun terdapat pihak-pihak tertentu di Majlis Agama Islam Kelantan merasa tidak puas hati dengan usaha yang gigih itu, lalu pihak Majlis mengadakan penyelidikan terhadap kelemahan itu dan melaporkan kepada baginda Sultan. Perkara ini memberi kesan kepada Tok Kenali dan penterjemah lain. Akhirnya usaha ini terhenti di tengah jalan dan tidak sempat diterbitkan.⁵⁰

2.10.3 Terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*

Terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dilakukan oleh Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob. Terjemahan ini diterbitkan pada tahun 2000 secara kerjasama di antara Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM) dalam bentuk perjanjian *al-Musyārahah*. Terjemahan ini diterbitkan dalam 17 jilid dan dipersembahkan kepada pembaca dalam bentuk format ensiklopedia moden. Ianya dijual dengan harga RM 3000 untuk satu set (17 jilid).

⁵⁰ Abdullah al-Qari Haji Salleh (1967), *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 64-65.

2.10.4 Terjemahan *Tafsīr al-Munīr*

Terjemahan *Tafsīr al-Munīr* diterbitkan pada tahun 2001 dan ianya merupakan satu projek usahasama di antara Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Intel MULTIMEDIA and PUBLICATION. Terjemahan ini diusahakan oleh para ahli Akademik dari Universiti tempatan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zulkifli Hj. Yusoff. Terjemahan Tafsir ini disemak oleh beberapa orang ulama yang diketuai oleh Ustaz Haji Abd. Ghani Samsudin. Setakat ini jilid pertama iaitu juzuk 'Ammā telah diterbitkan.

2.10.5 Terjemahan *Tafsīr al-Marāghī*

Pada asalnya terjemahan *Tafsīr al-Marāghī* adalah terjemahan yang diterbitkan dalam bahasa Indonesia dan diterjemahkan oleh M. Thalib. Ia kemudian diterbitkan semula di Malaysia mengikut gaya bahasa Malaysia dan disunting oleh kaki tangan Multi Excellence Productions (MEPS). Terjemahan yang diterbitkan pada tahun 2001 ini merupakan satu projek usaha sama di antara Dewan Bahasa dan Pustaka, Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Pusat Pungutan Zakat dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang membiayai sebahagian kos percetakannya. Ianya dijual dengan harga RM2100 untuk satu set.

2.10.6 *Al-Qur'an Al-Karim Terjemahan dan Huraian Maksud*

Terjemahan ini merupakan satu-satunya terjemahan Tafsir Al-Quran dari bahasa Inggeris iaitu dari tafsir *The Holy Qur'an; Text, Translation and Commentary* karangan Yusoff Ali. Terjemahan ini dilakukan oleh Muhammad Uthman al-Muhammadi dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1992. Ianya dijual dengan harga RM 18 senaskah.

2.11 KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa terjemahan merupakan usaha yang penting kepada sesebuah bangsa dan negara. Terjemahan merupakan suatu proses pemindahan ilmu dan maklumat dari satu bahasa ke bahasa yang lain. Dengan kata lain, ilmu-ilmu yang ada dalam bahasa asing dapat dipelajari dengan lebih mudah sekiranya sumber ilmu tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa penerima. Selain itu, penterjemahan juga dilihat sebagai suatu medium pembinaan sesebuah tamadun. Ini kerana tidak semua tamadun dapat dibina tanpa melihat kepada tamadun lain khususnya tamadun-tamadun yang telah maju atau pernah mencapai kemajuan. Dalam hal ini, aspek penterjemahan memainkan peranan untuk memindahkan segala bentuk ilmu dan maklumat yang diperlukan untuk proses pembinaan tersebut.

Walaupun demikian, proses penterjemahan mestilah melalui kaedah dan metodologi yang betul supaya pemindahan ilmu tersebut dapat berlaku dengan tepat. Masyarakat tidak seharusnya dibebankan dengan terjemahan yang terlalu sukar untuk

difahami ataupun terjemahan yang boleh memesongkan makna sebenar seperti yang dikehendaki oleh penulis asal. Justeru itu, para penterjemah khususnya, mestilah mengetahui metodologi terjemahan yang betul agar terjemahan yang dihasilkan menepati kehendak sebenar teks asal.

Dalam situasi masyarakat Islam di Malaysia, penterjemahan memainkan peranan penting bagi memperkayakan khazanah ilmu yang sedia ada. Karya-karya agung termasuklah karya tafsir wajar diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia agar kandungannya dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat di negara ini. Semua pihak termasuklah orang perseorangan, kerajaan dan swasta haruslah bersama-sama menggembeling tenaga ke arah merialisasikan matlamat ini. Usaha yang ditunjukkan oleh pihak-pihak tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM), Penyimpan Besar Mohor Rajaraja, Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan sebagainya haruskan dicontohi agar lebih banyak terjemahan dapat dihasilkan.

Walaupun begitu, masyarakat tidak sepatutnya dibebankan dengan kos yang terlalu mahal untuk mendapatkan terjemahan tersebut. Proses penterjemahan tidak seharusnya dilihat untuk memperolehi keuntungan semata-mata, tetapi penterjemahan hendaklah dilihat sebagai satu proses pemindahan ilmu untuk memperkayakan khazanah ilmu di Malaysia.